

# Isa jadi MB penggal kelima

UM - 7 DEC 1999

Oleh  
MEOR HARMAN SHAKRI

**K**UALA PILAH 6 Dis. - Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad hari ini dilantik semula sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan bagi penggal kelima berturut-turut.

Beliau menerima surat pelantikan jawatan itu dan pelantikan barisan Exco kerajaan negeri daripada Perdana Menteri. Datuk Sw Dr. Mahathir Mohamad di Putrajaya pada pukul 11 pagi ini.

Beliau ditemui pemberita di luar pintu utama bangunan

Istana Besar Seri Menanti di sini selepas menghadap Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar pada pukul 4 petang ini.

Mohd. Isa yang ditemui di depan pintu masuk istana berkata, surat pelantikan itu telah diserahkan kepada Tuanku Ja'afar untuk mendapat perkenan baginda sebelum majlis mengangkat sumpah diadakan.

"Saya terima surat Perdana Menteri mengenai cadangan parti supaya saya mengepalai kerajaan negeri dan menghantar senarai Exco yang telah dipersetujui oleh Dr. Mahathir.

"Saya sudah menghadap dan menyampaikan surat Perdana Menteri kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan untuk mendapat perkenan baginda," katanya.

Menjawab pertanyaan pemberita, Mohd Isa memberitahu portfolio bagi Exco-Exco yang dilantik akan ditentukan kemudian selepas majlis mengangkat sumpah diadakan tidak lama lagi.

"Ini adalah amalan biasa setiap kali selepas pilihan raya umum. Pengerusi parti yang menang (Barisan Nasional) akan mengemukakan nama Menteri Besar yang diprakukan oleh parti.

"Jadi, saya menyampaikan surat Dr. Mahathir kepada Tuanku bahawa saya akan mengepalai kerajaan negeri." ujarnya.

Katanya, barisan anggota Exco kerajaan negeri yang baru akan menyaksikan pertambahan dua orang Exco daripada lapan sebelum ini menjadikan 10 semuanya untuk tempoh lima tahun akan datang.

Mohd. Isa bagaimanapun enggan mengumumkan senarai baru nama anggota Exco berkenaan. Katanya, beliau akan membuat pengumuman pada majlis angkat sumpah yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

Mohd. Isa, 50, menjadi Menteri Besar setelah memenangi pilihan raya umum pada 1982. Beliau memegang jawatan itu sehingga pilihan raya umum ke-10 lepas.

Pada pilihan raya umum lalu, Mohd. Isa menewaskan Timbalan Pesuruhjaya Pas Negeri, Dr. Rosli Yaakop dengan majoriti 3,078 undi bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Linggi.